

KUTKM punyai 5,000 pelajar Jun depan

Archival News | Berita Harian | 23/12/2003

MELAKA: Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) Ayer Keroh, dekat sini, akan mempunyai 5,000 pelajar yang mengikuti pelbagai jurusan pengajian di kampus itu bermula Jun tahun depan.

Rektor KUTKM, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani, berkata ini bermakna ia bertambah lebih 2,000 pelajar baru berbanding kira-kira 3,000 pelajar yang mengikuti pengajian di kampus berkenaan ketika ini.

Beliau berkata, kesemua mereka akan mengikuti pengajian di 25 jurusan termasuk satu yang baru diperkenalkan tahun depan iaitu Kejuruteraan Automotif.

"Menjelang 2005, kita mensasarkan seramai 10,000 pelajar akan mengikuti pengajian di kampus baru KUTKM yang kini dalam proses pembinaan di Durian Tunggal," katanya ketika ditemui pada majlis sambutan Aidilfitri di rumah beliau di Lorong Haji Hasan, Bukit Katil, kelmarin.

Pada majlis itu Mohd Ruddin bersama isterinya, Datin Maimunah Ibrahim, turut menyampaikan sumbangan beg sekolah kepada 130 anak fakir miskin di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Baru.

Antara tetamu khas yang turut hadir ialah Yang di-Pertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin.

Mohd Ruddin berkata, jika semuanya berjalan lancar, dua fakulti di kampus sekarang iaitu Fakulti Elektrik serta Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Komputer, akan berpindah ke kampus baru pada Oktober 2004 manakala fakulti lain akan berpindah secara berperingkat-peringkat selepas itu.

Beliau berkata, pada 2004 juga, KUTKM akan mempunyai kira-kira 500 kakitangan akademik yang berkhidmat sebagai pensyarah, berbanding 300 yang sedia ada sekarang.

Sementara itu, Mohd Ruddin berkata, KUTKM akan meneruskan usaha program bermanfaat kepada masyarakat di negeri ini seperti mengadakan kursus mempelajari Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains untuk pelajar sekolah.

"KUTKM bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain juga akan meneruskan program mendalami ilmu teknologi maklumat (IT) pada masa depan kerana KUTKM mempunyai kemudahan lima makmal komputer," katanya.

(END) Source : Berita Harian